

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200 Khamis 28 Disember 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
BAGI INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI,
MALAYSIA, NOVEMBER 2023

Terma Perdagangan Malaysia kekal di atas 100 mata, menokok 2.9 peratus kepada 114.7 mata pada November 2023.

PUTRAJAYA, 28 DISEMBER 2023 – Harga eksport Malaysia pada November 2023, meningkat 2.0 peratus daripada 146.4 mata pada bulan sebelumnya kepada 149.3 mata. Namun begitu, harga import menurun 0.8 peratus daripada 131.3 mata kepada 130.2 mata manakala terma perdagangan Malaysia pula bertambah 2.9 peratus bulan ke bulan kepada 114.7 mata pada November 2023, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), November 2023** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barangan selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Indeks nilai seunit eksport menokok 2.0 peratus pada November 2023 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kenaikan indeks minyak galian (+11.0%), bahan mentah tidak boleh dimakan (+1.1%) dan makanan (+0.5%). Pada masa yang sama, indeks volum eksport jatuh 5.1 peratus selaras dengan kejatuhan indeks alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-7.4%), minyak galian (-5.1%) dan pelbagai barang keluaran

kilang (-5.0%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim naik secara marginal 0.05 peratus, kekal pada 155.8 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, indeks nilai seunit naik 0.4 peratus manakala indeks volum jatuh 6.2 peratus.


Indeks nilai seunit import menurun 0.8 peratus pada November 2023, disumbangkan oleh penurunan indeks minyak galian (-2.9%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.9%) dan bahan kimia (-0.2%). Indeks volum import turut jatuh 2.3 peratus pada November 2023 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh kejatuhan dalam indeks minyak galian (-15.2%), bahan mentah tidak boleh dimakan (-7.2%) dan makanan (-3.2%). Indeks volum import pelarasan bermusim merosot 3.8 peratus daripada 197.0 mata kepada 189.4 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit import berkurang 2.2 peratus manakala indeks volum naik 4.2 peratus.”

Di samping itu, terma perdagangan Malaysia menokok 2.9 peratus bulan ke bulan kepada 114.7 mata pada November 2023, didorong oleh peningkatan indeks minyak galian (+14.3%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+1.7%) dan bahan mentah tidak boleh dimakan (+1.2%). Begitu juga, terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun berkembang 2.7 peratus daripada 111.6 mata pada November tahun lalu.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.



**Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import
Januari 2021 – November 2023**

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 DISEMBER 2023**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, December 28th 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
FOR EXTERNAL TRADE INDICES,
MALAYSIA, NOVEMBER 2023**

Malaysia's terms of trade remained above 100 points, rising 2.9 per cent to 114.7 points in November 2023.

PUTRAJAYA, DECEMBER 28, 2023 – Malaysia's export prices in November 2023 rose by 2.0 per cent from 146.4 points in the previous month to 149.3 points. However, import prices decreased by 0.8 per cent from 131.3 points to 130.2 points. Meanwhile, Malaysia's terms of trade grew 2.9 per cent month-on-month to 114.7 points in November 2023 as reported today in **EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), November 2023**. This publication presents the unit value index, volume index and terms of trade for 10 commodity sections of merchandise products in accordance with the Standard International Trade Classification (SITC).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The export unit value index rose by 2.0 per cent in November 2023 as compared to the previous month, led by the increase in the index of mineral fuels (+11.0%), inedible crude materials (+1.1%) and food (+0.5%). At the same time, the export volume index went down by 5.1 per cent in line with the decrease in the index of machinery & transport equipment (-7.4%), mineral fuels (-5.1%) and miscellaneous manufactured articles (-5.0%). The seasonally adjusted export volume index increased marginally by 0.05 per cent to remain at 155.8 points.

Referring to the annual comparison, the unit value index grew 0.4 per cent and volume index decreased by 6.2 per cent.

The import unit value index declined by 0.8 per cent in November 2023, contributed by the decrease in the index of mineral fuels (-2.9%), machinery & transport equipment (-0.9%) and chemicals (-0.2%). Meanwhile, the import volume index also dropped by 2.3 per cent in November 2023 as compared to the previous month, attributed to the contraction in the index of mineral fuels (-15.2%), inedible crude materials (-7.2%) and food (-3.2%). The seasonally adjusted import volume index edged down by 3.8 per cent from 197.0 points to 189.4 points. Year-on-year comparison showed that the import unit value index decreased by 2.2 per cent while volume index increased by 4.2 per cent."

In addition, Malaysia's terms of trade expanded by 2.9 per cent month-on-month to 114.7 points in November 2023, driven by the increase in the index of mineral fuels (+14.3%), animal & vegetable oils & fats (+1.7%) and inedible crude materials (+1.2%). Likewise, Malaysia's terms of trade grew by 2.7 per cent year-on-year from 111.6 points in November of the previous year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' in analysis various data an can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".




Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices
January 2021 – November 2023

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
28 DECEMBER 2023